Lampiran 1

Pengambilan Pelatih bagi Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027, Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN).

Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Latihan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia mempelawa calon-calon yang layak untuk memohon bagi mengikuti **Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027**. Syarat-syarat kelayakan permohonan dan maklumat berkaitan dengan kursus boleh didapati melalui kenyataan berikut:

- **Syarat-syarat tawaran dan maklumat Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Jun 2026 (Jumaat)**. Borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan. **Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan daripada Bahagian Latihan Perhutanan selepas sebulan dari tarikh tutup permohonan ini adalah dianggap tidak berjaya.**

Trainees Intake for ”Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027” Forestry Training Institute (FORTRAIN).

Please be informed that Forestry Training Division, Forestry Department of Peninsular Malaysia is inviting eligible candidates to pursue in **”Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027”**. Qualifications requirement and informations on the course can be accessed in the following statement:

- **Qualification requirements and related informations on ”Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan Sesi 2026-2027”.**

Closing date for submission of application form and related documents is on **5th June 2026 (Friday)**. Late submission will not be considered. **Applicants that do not receive respond from Forestry Training Division after one (1) month from the application dateline are deemed unsuccessful.**

KURSUS SIJIL PERHUTANAN
INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berminat untuk mengikuti Kursus **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

1. TEMPOH PENGAJIAN DAN SYARAT KEMASUKAN

(i) Tempoh pengajian dan kelayakan akademik yang diperlukan adalah seperti berikut:

KURSUS	TEMPOH KURSUS	KELAYAKAN AKADEMIK
Sijil Perhutanan Pengawas Hutan	2 semester (Sesi 2026-2027)	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya serta: i. Kredit dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; ii. Lulus mata pelajaran Matematik; dan ii. Lulus mana-mana mata pelajaran Sains;

(ii) Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak melebihi 40 tahun pada tarikh permohonan ditutup.

(iii) Anggota Tentera dan Polis yang telah menamatkan perkhidmatannya dan Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat juga boleh memohon setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing.

(iv) Calon-calon hendaklah sihat tubuh badan dan tidak mempunyai kecacatan anggota.

2. MAKLUMAN

(i) Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) tidak menjamin apa-apa jawatan setelah tamat kursus.

(ii) Calon-calon yang sedang mengikuti kursus di FORTRAIN tidak boleh berhenti tanpa kelulusan pihak berkuasa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Jika berlaku pelanggaran ini, calon dikehendaki membayar balik semua perbelanjaan yang ditanggung semasa pengajian kepada Kerajaan Malaysia.

3. PERMOHONAN

(i) Borang permohonan juga boleh dikemukakan melalui pautan https://forms.gle/8bWnMpC3wwYoT7zm9

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **5 Jun 2026 (Jumaat)**. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 1 bulan dari tarikh tutup permohonan ini adalah dianggap tidak berjaya.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada Bahagian Latihan Perhutanan atau FORTRAIN di talian telefon 03-26164488